

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)



# LAPORAN TAHUNAN 2024

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa



@ptaruitmcns  
[www.nsembilan.library.uitm.edu.my](http://www.nsembilan.library.uitm.edu.my)

UiTM di hatiku

انها تقوى موليا

# LAPORAN TAHUNAN 2024

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

فرئوستاكاءن تون عبد الرزاق

© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

## PENAFIAN

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperoleh dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak terlebih dahulu.

Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan/setahun sekali.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan  
Pekan Parit Tinggi, 72000  
Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Emel: korporatptarn9@uitm.edu.my | <https://library.uitm.edu.my/nsemilan>

Terbitan Pertama 2024  
eISSN:

© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

# SIDANG **REDAKSI**



**PENASIHAT**

JAMILAH MD YUSOFF

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan



**KETUA EDITOR**

MUHAMMAD SHAFIQ AMIRULLAH

Pustakawan

## BARISAN EDITOR



**SAFIZAN SAPIAN**

Pembantu Pustakawan Kanan



**MALISYAH JAMAL ABDUL NASIR**

Pembantu Pustakawan Kanan



**MOHD PAIZAL USMAN**

Pembantu Pustakawan Kanan



**IZYANI MD YUSOP**

Pembantu Pustakawan Kanan



**NOOR NAZZUHANA NAJWA**

**MOHD NORZRI**

Pembantu Pustakawan

# ISI KANDUNGAN

PROFIL PERPUSTAKAAN **MS1**

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN **MS11**

PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN  
UNIVERSITI **MS31**

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN **MS34**

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN **MS44**

REKOD & ARKIB UNIVERSITI **MS49**

LAWATAN **MS56**

KOLABORASI **MS60**

PENERBITAN **MS70**

KERATAN AKHBAR **MS73**



**MS63**



**MS64**

**MS41**

# **PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN**

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan telah berjaya menempuh tahun 2024 dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga perpustakaan yang telah memberikan komitmen dan dedikasi yang tidak berbelah bagi sepanjang tahun 2024. Tahun ini telah menyaksikan banyak perkembangan positif dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan amnya.

Semua pencapaian ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa sokongan padu dari semua pihak yang terlibat, termasuk pihak pengurusan universiti, staf perpustakaan, dan para pengguna yang setia. Saya amat berterima kasih atas kerjasama dan dedikasi yang telah diberikan.

Namun begitu, kita tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai. Perpustakaan harus terus berusaha memperbaiki diri dan mencari peluang baru untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Saya yakin dengan semangat kerja berpasukan dan komitmen yang tinggi, kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap agar Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan ini terus menjadi pusat ilmu yang unggul dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan penuh yakin dan tekad untuk mencapai kecemerlangan yang lebih gemilang.

Sekian terima kasih.



**JAMILAH MD YUSOFF**  
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan



# PROFIL PERPUSTAKAAN

“Misi membudayakan rakyat dengan membaca buku hanya boleh tercapai tatkala semua pihak merangkul tenaga, bermula daripada ibu bapa di rumah sehingga kepada pucuk pimpinan negara.”

— YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa


UiTM *di hatiku* مولياً تقوى بـ

Perpustakaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Melang mula beroperasi pada 1 Jun 1999 di kampus sementara bertempat di Kompleks Pertanian Negeri Sembilan Timur Jalan Melang Kuala Pilah.

Perpustakaan ini kemudiannya berpindah ke kampus tetap UiTM di kawasan Parit Tinggi pada 2 Jun 2009. Sempena perpindahan ini, pihak Pergurusan Perpustakaan UiTM Shah Alam telah memberikan nama perpustakaan UiTM ini sebagai Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan terletak di Aras 1 dan 2 Bangunan Akademik Fakulti Sains Gunaan. Pada masa kini, koleksi perpustakaan berjumlah 12,000 naskah berfokus kepada program-program pengajian utama yang dijalankan di sini antaranya Sains Gunaan, Perladangan dan Agroteknologi. PTAR Kampus Kuala Pilah mempunyai bangunan bertingkat sebanyak 2 aras dengan kapasiti 600 orang pengguna pada satu-satu masa.

Hari ini, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan mempunyai tiga (3) kampus, iaitu satu (1) kampus induk dan dua (2) kampus satelit masing-masing di Kuala Pilah, Seremban dan Rembau, dengan kekuatan seramai 26 orang tenaga kerja keseluruhannya.






UiTM Cawangan Negeri Sembilan seterusnya membuka kampus kedua iaitu UiTM Kampus Seremban. Kampus ini mula dibina pada tahun 2011, di atas tanah seluas 38 ekar di kawasan pembangunan Seremban 3, Seremban, Negeri Sembilan. Kampus ini dirasmikan pada Januari 2014. UiTM Kampus Seremban menempatkan tiga fakulti iaitu Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Fakulti Sains Komputer dan Matematik dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Seremban telah mula beroperasi pada 2 Februari 2014. Bangunan perpustakaan lengkap dengan pelbagai fasiliti dari bilik seminar, bilik perbincangan, bilik multimedia, makmal komputer, tandas di setiap aras, ruang bacaan yang luas dilengkapi dengan perabot yang ergonomik sentiasa menjadi asbab kehadiran pengunjung sepanjang semester. Menjalankan hampir keseluruhan fungsi sesebuah perpustakaan akademik, kebajikan staf diutamakan dengan penyediaan ruang kerja yang selesa, *pantry*, surau serta bilik mesyuarat.

Projek pembinaan kampus ketiga UiTM Cawangan Negeri Sembilan iaitu UiTM Kampus Rembau dibina di atas sebahagian tapak Lot 472 seluas 80 ekar di mukim Kundor, Rembau melalui kaedah PFI. Projek pembinaan bermula pada Ogos 2013 dan tamat pada 25 Ogos 2016. Secara rasminya UiTM Kampus Rembau telah beroperasi pada 3 Februari 2017 dengan kekuatan hampir 800 pelajar dan staf bagi sesi kalender akademik Mac-Julai 2017.

Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Rembau dibina sebagai bangunan tiga tingkat yang boleh menampung sehingga 900 orang pada satu-satu masa. Perpustakaan ini dilengkapi dengan ruang pejabat, ruang bacaan dan rujukan pengguna, serta bilik-bilik perkhidmatan perpustakaan.



## DASAR, MISI DAN OBJEKTIF

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



### DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanian menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

### MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.


### OBJEKTIF

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI (*Excellence, Synergy, Integrity*) dalam kalangan warga UiTM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.



أونها! تقویٰ. مولیا

# OBJEKTIF KUALITI & PIAGAM PELANGGAN PUİTM



**OBJEKTIF KUALITI**  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**1** Memastikan 85% Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UiTM.

**2** Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan mencapai 90%.

**3** Memastikan Pemilikan Bahan Silibus 100% di dalam Koleksi Sumber Rujukan.

**4** Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak 24 kali setiap tahun.

**5** Memastikan 800 ribu pengunjung Perpustakaan UiTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UiTM.

**6** Memastikan 100% Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui Online Finding Archive (OFA).

  
TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN  
KETUA PUSTAKARUAN  
PERPUSTAKAAN Uitm

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UiTM | اوسها، تقوی، مولیا

**PIAGAM PELANGGAN**  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**1** Memastikan permohonan **Book Delivery Service** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

**2** Memastikan bahan **Pinjaman Antara Perpustakaan** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan.

**3** Memastikan **Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** diberi maklumbalas dalam tempoh **satu (1) hari bekerja**.

**4** Memastikan permohonan rujukan **bahan Arkib Universiti** tersedia dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

**5** Memastikan **Portal Perpustakaan Digital** dapat diakses **24/7** oleh pelanggan.

**6** Memastikan **status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu** (buku bercetak/jurnal bercetak/ eBook/ PDAT/ eJournal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja**.

  
TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN  
KETUA PUSTAKARUAN  
PERPUSTAKAAN Uitm

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024


UiTM | اوسها، تقوی، مولیا

# CARTA ORGANISASI

**CARTA ORGANISASI**  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Tarikh Berkkuatkuasa: 1 Ogos 2024




## CARTA ORGANISASI


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA




Tarikh Berkuatkuasa: 1 Ogos 2024




## CARTA ORGANISASI

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



Tarikh Berkuatkuasa: 1 Ogos 2024

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN



**JAMILAH MD YUSOFF**  
Timbalan Ketua  
Pustakawan Kanan S52

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan

**MOHD HAFIZ KASIRUN**  
Pustakawan Kanan S44

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

**MOHD AIZAT ABD HALIM**  
Pustakawan Kanan S44

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban

**SYAIFUL HISYAM SALEH**  
Pustakawan S41

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban


**MUHAMMAD SHAFIQ AMIRULLAH**  
Pustakawan S41

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah

**MUHAMAD AZRIN ISMAIL**  
Pustakawan S41

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah

## FAKTA RINGKAS



\*data sehingga Disember 2024

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN


“Sesungguhnya bangsa yang berjaya ialah bangsa yang rajin dan sanggup menghadapi cabaran hidup”

— Tun Dr Mahathir Mohamad

*Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa*

UiTM *di hatiku*

أونها. تقوى. موليا



## PEMBUDAYAAN ILMU

<b>UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED</b>									
<b>STRATEGIC GOAL</b>									
<b>STRATEGIC THRUSTS</b>	<b>QUALITY EDUCATION</b>			<b>GLOBAL EXCELLENT</b>		<b>VALUE DRIVEN PERFORMANCE</b>			
<b>STRATEGIC THEMES</b>	EDUCATION 5.0	ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE	WIDENED ACCESS	TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION	INDUSTRY, COMMUNITY & ALUMNI SMART PARTNERSHIP	TALENT EXCELLENT	AGILE GOVERNANCE	SMART CAMPUS	SUSTAINABLE FUNDING
<b>7</b> PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	<b>KPI 1:</b> Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti  <b>KPI 2:</b> Bilangan Rekod Penting Universiti  <b>KPI 3:</b> Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk			<b>KPI 4:</b> Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi  <b>KPI 5:</b> Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu		<b>KPI 6:</b> Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital  <b>KPI 7:</b> Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM			
<b>13</b> PETUNJUK PRESTASI (PI)  PERPUSTAKAAN UiTM	<b>PI 1:</b> Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti  <b>PI 2:</b> Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab  <b>PI 3:</b> Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti  <b>PI 4:</b> Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan  <b>PI 5:</b> Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM  <b>PI 6:</b> Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan			<b>PI 7:</b> Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi  <b>PI 8:</b> Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan  <b>PI 9:</b> Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat  <b>PI 10:</b> Bilangan Penglibatan Alumni UiTM		<b>PI 11:</b> Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM  <b>PI 12:</b> Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan  <b>PI 13:</b> Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja			

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

**KPI 1**  
Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti



**KPI 2**  
Bilangan Rekod Penting Universiti



**KPI 3**  
Bilangan Bahan Bacaan Dirujuk



**KPI 4**  
Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi



**KPI 5**  
Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu



**KPI 6**  
Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital



**KPI 7**  
Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM



## PETUNJUK PRESTASI (PI)

**PI 1**  
Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti



**PI 2**  
Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab



**PI 3**  
Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti



**PI 4**  
Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan



**PI 5**  
Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM



**PI 6**  
Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan



**PI 7**  
Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi



**PI 8**  
Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan



**PI 9**  
Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat



**PI 10**  
Bilangan Penglibatan Alumni UiTM



**PI 11**  
Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM




**PI 12**  
Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan



**PI 13**  
Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja




\*data dari sistem EIS



JUMLAH KESELURUHAN STAF	STAF LANTIKAN TETAP	STAF LANTIKAN KONTRAK	STAF LANTIKAN BAHARU	STAF TAMAT PERKHIDMATAN
<b>26</b>	<b>26</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>
KENAIKAN PANGKAT	STAF MENINGGAL DUNIA	CUTI SAKIT / BERSALIN	KEKOSONGAN JAWATAN	PELAJAR LATIHAN INDUSTRI
<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>

KAMPUS KUALA PILAH	KAMPUS SEREMBAN	KAMPUS REMBAU
<b>3</b> STAF PROFESIONAL <b>9</b> STAF PELAKSANA	<b>2</b> STAF PROFESIONAL <b>6</b> STAF PELAKSANA	<b>1</b> STAF PROFESIONAL <b>5</b> STAF PELAKSANA
 <p>Timbalan Ketua Pustakawan Kanan S52 (1)  Pustakawan S41 (2)  Pembantu Pustakawan Kanan S22 (7)  Pembantu Pustakawan S19 (2)</p>	 <p>Pustakawan Kanan S44 (1)  Pustakawan S41 (1)  Pembantu Pustakawan Kanan S22 (4)  Pembantu Pustakawan S19 (1)  Pembantu Pemuliharaan Kanan S22 (1)</p>	 <p>Pustakawan Kanan S44 (1)  Pustakawan S41 (0)  Pembantu Pustakawan Kanan S22 (3)  Pembantu Pustakawan S19 (2)</p>

\*data sehingga November 2024



**PI 12**

PERATUS STAF MENCAPAI 42 JAM LATIHAN



96%

PERATUSAN MENGIKUT KOMPETENSI:

**80%**  
UMUM

**80%**  
KHUSUS

**42%**  
ICT

PENGANJURAN LATIHAN BAGI TAHUN 2024:



**127**  
PENYERTAAN  
**1,572**  
PESERTA  
LATIHAN

\*data dari sistem EIS


**KPI 7**

PERATUS KEPUASAN BEKERJA STAF  
PERPUSTAKAAN UITM



**96%** **STAF  
BERPUAS  
HATI**





## PERUNTUKAN PERPUSTAKAAN BAGI TAHUN 2024



-----> \$	<b>RM19,719</b> KUALA PILAH
-----> \$	<b>RM4,580</b> SEREMBAN
-----> \$	<b>RM10,600</b> REMBAU



## PENJANAAN PERPUSTAKAAN BAGI TAHUN 2024

DENDA LEWAT <b>RM2,200.40</b>	KEAHLIAN LUAR <b>RM0</b>	SEWAAN RUANG <b>RM643.00</b>	KURSUS BERBAYAR <b>RM0</b>
BAHAN ARKIB <b>RM0</b>	PENJIDILAN BAHAN <b>RM0</b>	CETAKAN BAHAN <b>RM0</b>	SUMBANGAN DERMA <b>RM1,882.00</b>

**JUMLAH KESELURUHAN  
PENJANAAN PERPUSTAKAAN  
BAGI TAHUN 2024**

**RM  
4,725.40**

\*data sehingga Disember 2024



## AMANAT BERSAMA TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Jumaat, 22 Mac 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan sesi Amanat bersama Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan serta perjumpaan bersama staf-staf perpustakaan.

Sesi tersebut telah diadakan di Sudut LCE, PTAR Kampus Rembau. Antara agenda perjumpaan diadakan bagi pemakluman mengenai perancangan strategik PTAR Cawangan Negeri Sembilan 2024.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program Amanat yang disampaikan sendiri oleh TKPK.

## SESI PENJURIAN PERTANDINGAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA 2024) UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pada 18 dan 19 Disember 2024, telah berlangsung sesi penjurian bagi Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Bertemakan “Pembudayaan EKSA Pemacu Kualiti & Produktiviti” bagi tahun ini, PTAR tidak melepaskan peluang memastikan ruang dan kaunter perkhidmatan pelanggan mengikuti kriteria penjurian EKSA, selain memastikan perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan dengan efektif dan cemerlang.



**Foto:** Semasa sesi penjurian EKSA berlangsung.

## SESI PENYERAHAN SUMBANGAN KERUSI RODA

Selasa, 24 Disember 2024, satu sesi ringkas telah diadakan bagi penyerahan sumbangan kerusi roda oleh Persatuan e-Sports Negeri Sembilan kepada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Sesi penyerahan telah disampaikan oleh wakil dari Persatuan e-Sports Negeri Sembilan, dan diterima oleh Puan Jamilah Md Yusoff, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan bersama Encik Mohd Aizat Abd Halim, Pustakawan Kanan PTAR Kampus Seremban.



**Foto:** Semasa sesi penyerahan sumbangan kerusi roda.


## PERTANDINGAN BOWLING PIALA TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN

Telah berlangsung pada Selasa, 24 Disember 2024, Pertandingan Bowling Piala Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Pertandingan tersebut telah diadakan di pusat bowling AEON Seremban 2, dan disertai oleh semua staf PTAR dari kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Pertandingan menyaksikan pasukan PTAR Kampus Seremban menjadi juara keseluruhan sekaligus menjadi tuan rumah pada tahun hadapan, satu pasukan dari PTAR Kampus Rembau di tempat kedua dan satu pasukan dari PTAR Kampus Kuala Pilah di tempat ketiga, masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai.



**Foto:** Semasa pertandingan berlangsung di AEON Seremban 2



## **MENGENANG PEMERGIAN ALLAHYARHAMAH PUAN NUR RABITA ROUZAN, PUSTAKAWAN KANAN PTAR KAMPUS REMBAU**

Tanggal 9 Februari 2024 bersamaan hari Jumaat, 28 Rejab 1445H, Allahyarhamah Puan Nur Rabita binti Rouzan, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah kembali ke rahmatullah setelah lebih setahun didiagnosis dan menjalani rawatan Kanser Nasofarinks (kanser hidung).

Pemergian Allahyarhamah telah meninggalkan kesan yang amat mendalam khususnya buat seluruh warga PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

**NUR RABITA ROUZAN  
(1984-2024)**  
*Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau*



## DUA PUSTAKAWAN S41 BAHARU LAPOR DIRI DI PTAR KAMPUS KUALA PILAH

Selamat datang dan selamat menjalankan tugas kepada Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan S41 berkuatkuasa 1 Julai 2024 dan Encik Muhamad Azrin Ismail, Pustakawan S41 berkuatkuasa 15 Julai 2024, ke Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Encik Muhammad Shafiq sebelum ini berkhidmat sebagai Pustakawan S41 (Kontrak) di PTAR UiTM Kampus Rembau selama lebih tiga tahun, manakala Encik Muhamad Azrin berkhidmat sebagai Pembantu Pustakawan Kanan S22 di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam.




## PUSTAKAWAN KANAN S44 BAHARU LAPOR DIRI DI PTAR KAMPUS REMBAU

Selamat datang dan selamat menjalankan tugas kepada Encik Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan S44 ke Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, berkuatkuasa 15 Julai 2024.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pustakawan Kanan S44 di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah selama hampir tujuh (7) tahun.






### KENAIKAN PANGKAT PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN & PEMBANTU PEMULIHARAAN KANAN PTAR

Warga Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Mohd Zahiddi Mohd Ali di atas kenaikan pangkat Pembantu Pustakawan Kanan (S22) dan Encik Bob Khairi Razali di atas kenaikan pangkat Pembantu Pemuliharaan Kanan (S22) Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban, berkuatkuasa 13 Januari 2024.

Watikah pelantikan telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Yamin Yasin, menjalankan fungsi Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada Khamis, 11 Oktober 2024.






## TAHNIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 sempena Majlis Apresiasi Kecemerlangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang telah diadakan pada Jumaat, 6 September 2024. Antara penerima anugerah termasuklah Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan (PTAR Kampus Rembau), Encik Bob Khairi Razaki, Pembantu Pemuliharaan (PTAR Kampus Seremban) dan Puan Norhamizah Isa, Pembantu Pustakawan (PTAR Kampus Kuala Pilah) yang telah disampaikan oleh Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan.






### SELAMAT MENJALANI LATIHAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR LATIHAN INDUSTRI KE PTAR KAMPUS REMBAU

Tahniah dan selamat menjalani latihan kepada dua orang pelajar program Latihan Industri daripada program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (CDIM244/260) iaitu Muhammad Zulfa zeli Raslan dan Mursyid Haqeemi Mohd Yunus dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomptueran, Informatik dan Matematik.

Kedua-dua mereka akan menjalani latihan industri selama 6 bulan bermula 5 Ogos 2024 sehingga 17 Januari 2025 di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.





### KEJAYAAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF GABUNGAN PTAR DAN PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DI KONVENTSYEN KIK UiTM 2024

Perpustakaan Tun Abdul Razak bersama Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menubuhkan kumpulan KIK bersama yang diberi nama kumpulan INFOFAST pada 8 Januari 2024.

Kumpulan telah menghasilkan projek yang diberi nama sistem REPOSPHERE sebagai pemudahcara di dalam proses kerja penerimaan bahan harta intelek universiti sebelum dimuatnaik ke sistem repositori UiTM. Pada peringkat awal, projek ini memberi fokus terhadap penerimaan bahan projek pelajar dan laporan latihan industri di UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan di dalam perancangan untuk diperluas ke seluruh sistem UiTM.



Pada peringkat Zon Selatan, kumpulan INFOFAST telah memenangi Anugerah EMAS dan Anugerah KIK Berpotensi di Konvensyen KIK Zon Selatan 2024 yang telah berlangsung pada 24-25 September 2024 lepas.

Kumpulan INFOFAST kemudian bersaing di peringkat kebangsaan mewakili UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang telah berlangsung pada 10-12 November di UiTM Cawangan Kedah dan merangkul Anugerak Perak. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

### SUMBANGAN PUSTAKAWAN KANAN PTAR SEMASA PILIHAN RAYA AHLI MAJLIS PPM 2024/26

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) pada 14 Mei 2024 lalu telah mengadakan pilihan raya untuk memilih seterusnya membentuk Majlis PPM 2024/2026. Justeru itu, bagi kelancaran proses pilihan raya kali ini, Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2023/2024 ke-68 pada tahun ini telah melantik Encik Mohd Aizat Abd Halim, Pustakawan Kanan PTAR Kampus Seremban sebagai Pegawai Pilihan Raya PPM.

Sekalung tahniah kepada Encik Mohd Aizat Abd Halim atas pelantikan tersebut.



### KEJAYAAN PUSTAKAWAN PTAR DI INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION (iTAC) 2024

Tahniah diucapkan kepada Pustakawan PTAR Kampus Seremban, Encik Syaiful Hisyam Saleh atas penyertaan di dalam International Teaching Aid Competition 2024, anjuran UiTM Cawangan Kedah pada 27 Julai 2024 dengan produk inovasi bertajuk "M-Health Tools: Utilizing Ai to Enhance Mental Health Education Framework for Educators." Penglibatan beliau juga diserikan lagi dengan kemenangan pingat Perak bagi kategori yang dipertandingkan.



## MELAKAR KEJAYAAN DI INTERNATIONAL INFORMATICS CREATIVITY COMPETITION (2I2C) 2024

Tahniah diucapkan kepada Encik Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan PTAR UiTM Kampus Seremban, Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan PTAR UiTM Kampus Kuala Pilah dan Puan Siti Khairiyah Nordin, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Kampus Rembau di atas kemenangan Anugerah Emas - Kategori Individu bagi penghasilan projek Journal Authenticity Checker (JACK) AI-Driven Chatbot for Journal Selection sempena International Informatics Creativity Competition (2I2C) 2024 pada 16 Oktober 2024.



## PENGIKTIRAFAN STEWARD OLEH MALAYSIA

## TRAINED AKADEMI

## DATA SAINS

Tahniah diucapkan kepada Encik Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban, di atas kejayaan menamatkan latihan program Data Stewardship for Open Science Training Programme yang telah berlangsung bermula 27 April hingga 22 Ogos 2024. Susulan itu, beliau juga telah menerima pengiktirafan Trained Data Steward oleh Akademi Sains Malaysia di Data Stewardship for Open Science Training Programme.



## KEJAYAAN PUSTAKAWAN PTAR DI INTERNATIONAL STUDENT INNOVATION DEVELOPMENT EXHIBITION COMPETITION (I-SIIDEC) 2024

Encik Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan PTAR Kampus Seremban telah menyertai pertandingan International Student Invention Innovation Development Exhibition Competition selaku perunding inovasi kepada pelajar yang dirasmikan oleh YB Dato' Hj Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 19 hingga 20 Ogos 2024. Kedua-dua produk inovasi yang dipertandingkan iaitu "IbuPreneurBoT" dan HEP CONNECT telah dianugerahkan pingat Perak. Tahniah diucapkan!



## PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN PTAR MEWAHLI KONTINJEN CATUR UITM KE KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA (SUKUM) 2024

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Cik Malisyah Jamal Abdul Nasir, Pembantu Pustakan Kanan PTAR Kampus Rembau yang telah mewakili kontinjen Catur Wanita UiTM pada kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 kali ke-45 yang telah berlangsung pada 8 Ogos 2024 sehingga 16 Ogos 2024, bertempat di Universiti Malaysia Sabah.



## **PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1446H/2024**

Pada Khamis, 13 September 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah turut serta dalam perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan 1446H/2024M yang diadakan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang.

Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Perarakan Maulidur Rasul, Ceramah Perdana Maulidur Rasul disampaikan oleh PU Razi dan Persembahan Khas Kumpulan Aswatul Hasanah. Secara keseluruhan, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mendapat tempat Ketiga bagi pertandingan perarakan tersebut.



## **PERTANDINGAN SEMARAK BULAN KEMERDEKAAN UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 2024**

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Kampus Rembau di atas kejayaan memenangi Pertandingan Semarak Bulan Kemerdekaan anjuran Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Negeri Sembilan bagi kategori "Kaunter Semarak Merdeka" peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Pengumuman tersebut telah diadakan semasa majlis penutup bulan kemerdekaan pada 23 September 2024 lalu.



### TAKLIMAT PENGGUNAAN MENDELEY & ZOTERO DALAM PENULISAN ARTIKEL DAN PENYELIDIKAN

Pada Isnin, 22 April 2024, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) telah menjemput Pustakawan PTAR Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban, Encik Syaiful Hisyam Saleh untuk menyampaikan taklimat penggunaan Mendeley & Zotero dalam penggunaan artikel & penyelidikan yang diadakan di Dewan Seminar Blok F2 FBIM, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu.



Foto: Encik Syaiful Hisyam Saleh menyampaikan sesi di Dewan Seminar, Universiti Sultan Zainal Abidin

### BENGKEL LITERATURE SEARCH FOR SYSTEMATIC REVIEW

Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama QIT Penyelidikan telah menganjurkan Bengkel Literature Search For Systematic Review pada 23 Mei 2024 bertempat di Makmal Latihan, Siber@PTSL. Encik Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah dijemput sebagai penceramah bagi memberi kefahaman dan kemahiran di kalangan pustakawan dalam membangun pencarian kajian/literatur yang komprehensif dan sistematik.



Foto: Encik Syaiful Hisyam Saleh menyampaikan sesi di Makmal Latihan, Siber@PTSL, Universiti Kebangsaan Malaysia

## PUSTAKAWAN KANAN PTAR KAMPUS SEREMBAN DIJEMPUT UNTUK MEMBERI LATIHAN REFRESHER COURSE RDA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

Pada Khamis, 7 November 2024, Pusat Sumber Maklumat, Universiti Teknologi Petronas (UTP) telah menjemput Encik Mohd Aizat Abd Halim, Pustakawan Kanan PTAR Kampus Seremban, sebagai penceramah jemputan bagi Bengkel Pemantapan *Resource Description and Access* (RDA) Kataloging kepada Pustakawan PSM UTP. Latihan diadakan sebagai *refresher course* bertujuan memantapkan lagi kecekapan Pustakawan bagi penyediaan rekod bibliografik di perpustakaan.



**Foto:** Encik Mohd Aizat Abd Halim menyampaikan latihan RDA kepada Pustakawan bertempat di Zon Latihan Aras 2, PSM UTP.

## PUSTAKAWAN PTAR BERKONGSI TENTANG PREDATORY JOURNAL MENERUSI WEBINAR ANJURAN UPNM

Pada 20 November 2024, Pustakawan PTAR Kampus Seremban, Encik Syaiful Hisyam Saleh telah dijemput oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di dalam satu webinar bertajuk "Jangan Jadi Mangsa Predatory Journal", dalam memberikan perkongsian pengetahuan mengenai kriteria dan cara mengatasi masalah dari menjadi mangsa kepada *predatory journal* bagi penerbitan artikel akademik.



**Foto:** Encik Syaiful Hisyam Saleh menyampaikan sesi secara maya di dalam program anjuran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)


# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

“It is not about me, it is about we. maka perkukuhkan ukhwah kita dalam mencipta persekitaran dengan aura positif.

— Datuk Prof Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku  
أنت بها تقوى، مولى



PERUNTUKAN PEROLEHAN BAHAN RUJUKAN BAGI TAHUN 2024  
UNIT PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI



**RM19,719**  
KUALA PILAH



PERUNTUKAN PEROLEHAN

Buku Silibus  
**RM15,000**

Majalah/Jurnal  
**RM4,719**

eBook/PDAT\*  
**RM-**



**RM2,580**  
SEREMBAU



PERUNTUKAN PEROLEHAN

Buku Silibus  
**RM-**

Majalah/Jurnal  
**RM2,580**

eBook/PDAT\*  
**RM-**



**RM8,983**  
REMBAU



PERUNTUKAN PEROLEHAN

Buku Silibus  
**RM7,000**


Majalah/Jurnal  
**RM1,983**

eBook/PDAT\*  
**RM-**

JUMLAH KESELURUHAN  
PERUNTUKAN

**RM31,282**

\*peruntukan diuruskan oleh perpustakaan induk sahaja



## STATUS PEMILIKAN BAHAN RUJUKAN SILIBUS UNIT PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

### KAMPUS KUALA PILAH

Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari



Fakulti Sains Gunaan



### KAMPUS SEREMBAN

Pengajian Sains  
Pengkomputeran &  
Matematik, KPPIM



Fakulti Sains Sukan dan  
Rekreasi



Fakulti Sains Pentadbiran  
dan Pengajian Polisi



### KAMPUS REMBAU

Pengajian Sains Maklumat,  
KPPIM



Fakulti Pengurusan dan  
Perniagaan



Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media



\*data dari Sistem Reading List Holdings Portal

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

“Sesiapa yang tidak pernah mengecapi pahit getir menuntut ilmu walaupun seketika, maka ia akan terjerumus ke dalam kehinaan kejahilan seumur hidupnya.”

— Imam Syafie

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM *di hatiku*

أونها، تقوى، موليا

# PROGRAM MEET & GREET BERSAMA FAKULTI & PROGRAM PENGAJIAN UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



9  
PENYERTAAN  
DARI FSR



21  
PENYERTAAN  
DARI FSPPP



24  
PENYERTAAN  
DARI KPPIM



21  
PENYERTAAN  
DARI FPP

### Meet & Greet Bersama Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dan Pusat Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

Sesi Meet & Greet Bersama Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dan Pusat Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik, KPPIM telah diadakan pada 5, 13 dan 20 Jun 2024.

Sesi perjumpaan dua hala ini bertujuan bagi pihak PTAR Kampus Seremban berkongsi prestasi semasa penggunaan perpustakaan, penerangan perkhidmatan dan mendapatkan maklumbalas secara terus dari pihak fakulti.

### Meet & Greet Bersama Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Komunikasi & Pengajian Media dan Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Kampus Rembau

Sesi Meet & Greet Bersama Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Pusat Pengajian Sains Maklumat, KPIIM dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) pada 15 dan 16 Ogos 2024.

Sesi perjumpaan ini bertujuan bagi pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Rembau memberi pemakluman prestasise masa penggunaan perpustakaan, penerangan perkhidmatan perpustakaan dan menjadi medan maklumbalas dua hala bagi penambahbaikan perkhidmatan dan kelancaran proses kerja.



Foto: Antara gambar yang diambil semasa sesi Meet & Greet yang telah dijalankan




### Meet & Greet Bersama Fakulti Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Kampus Kuala Pilah


Sesi Meet & Greet Bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bagi program Diploma Pengurusan Halal gabungan bersama Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah diadakan pada 25 Ogos 2024.

Sesi kemudian diteruskan lagi bersama Fakulti Sains Gunaan (FSG) pada 9 September bersama Ketua Pusat Pengajaran, Koordinator Program dan pensyarah-pensyarah secara maya menerusi platform Google Meet.

Program ini diadakan bertujuan untuk menjadi platform dua hala antara pihak PTAR dan fakulti dalam membincangkan isu berkenaan perkhidmatan, koleksi dan keperluan perpustakaan selain dapat menjawab persoalan dan mempromosikan perkhidmatan sedia ada.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi Meet & Greet yang telah dijalankan



## **TAKLIMAT INFORMATION LITERACY PROGRAMME (ILP) BERSAMA PELAJAR BAHRU FAKULTI & PROGRAM PENGAJIAN UİTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**



Taklimat Information Literacy Programme (ILP) diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh berkaitan sumber maklumat yang tepat dan berkesan kepada para pelajar baharu khususnya dalam menghasilkan kerja kursus atau penulisan ilmiah yang lebih berkualiti.

Sasaran utama peserta program tersebut adalah pelajar semester satu (1) atau pelajar baharu yang mendaftar di kampus cawangan sebagai usaha untuk memantapkan kemahiran dalam pencarian maklumat bagi pesediaan pelajar dalam memenuhi kehendak akademik universiti.

Taklimat ILP telah dijalankan pada dua sesi kemasukan sepanjang tahun dan disampaikan sendiri oleh Pustakawan PTAR mengikut kampus iaitu oleh Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Encik Syaiful Hisyam Salleh dan Encik Mohd Hafiz Kasirun.

Pihak perpustakaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak fakulti dan program pengajian di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan bagi pelaksanaan program tersebut.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi taklimat ILP berlangsung

# PTAR REBOOT: COLLECTIONS & SERVICES REFRESHER COURSE ANJURAN PTAR KAMPUS SEREMBAN



**23**  
PESERTA  
SESI 1



**22**  
PESERTA  
SESI 2

Pada 10 dan 26 September 2024, telah berlangsung program sesi refresher course, PTAR Reboot: Collections & Services anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

PTAR Reboot adalah langkah strategik yang sangat penting untuk memperkasa para pensyarah dalam menghadapi cabaran akademik masa kini. Kursus penyegaran ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber perpustakaan, tetapi juga menggalakkan penerapan teknologi dan perkhidmatan terkini yang akan memacu kecemerlangan pengajaran dan penyelidikan. PTAR Reboot berpotensi menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti akademik dan kolaborasi yang lebih erat antara fakulti dan perpustakaan.

PTAR Reboot diadakan bagi mencapai objektif berikut:

- Meningkatkan kemahiran navigasi sumber rujukan perpustakaan
- Menggalakkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan yang terkini
- Meningkatkan hubungan dan kolaborasi

Terima kasih diucapkan kepada semua peserta yang sudi meluangkan masa menghadiri sesi ini.



**Foto:** Semasa program PTAR Reboot berlangsung di Makmal Komputer, PTAR Kampus Seremban

## TEACHING LIBRARY PROJECT SEMESTER 2024/25 BAGI KOD KURSUS IML465, PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Pada Jumaat, 8 November 2024 telah berlangsung satu sesi perbincangan di antara Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan diketuai oleh Dr. Zalifah Awang Zakaria dari PTAR induk dan PTAR Cawangan Negeri Sembilan diketuai oleh Puan Jamilah Md Yusoff, Ketua Perpustakaan Cawangan.

Pada sesi tersebut, kedua-dua pihak membincangkan tentang pelaksanaan projek Teaching Library yang akan diperluas ke PTAR Cawangan bermula dengan PTAR Cawangan Negeri Sembilan bagi semester 2024/25 sebagai projek *pilot test*.



**Foto:** Semasa sesi perbincangan berlangsung menerusi Google Meet

Projek Teaching Library merupakan projek usahasama pihak PTAR bersama Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) dalam usaha mewujudkan kolaborasi P&P antara pihak fakulti dan industri dalam memberikan pengalaman dan pengetahuan sebenar sebagai tambahan kepada kursus sedia ada yang dijalankan di fakulti.

Satu lagi sesi perbincangan antara pihak PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama wakil Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Kampus Rembau, Dr. Zahril Shahida Ahmad, telah diadakan pada Jumaat, 15 November 2024 di Bilik Mesyuarat PTAR Kampus Rembau. Perbincangan meliputi kaedah pelaksanaan serta keperluan fakulti daripada pihak PTAR bagi memastikan projek tersebut dapat mencapai objektif oleh kedua-dua pihak yang terlibat.




**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi perbincangan berlangsung

Program Teaching Library pertama kali diperkenalkan dan diperluaskan ke UiTM cawangan yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (CDIM260), dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik, UiTM Kampus Rembau.

Susulan daripada sesi perbincangan bersama fakulti, sebagai *pilot test*, sesi Teaching Library diadakan bersama tiga (3) orang pelajar dari program CDIM260 yang mendaftar kod subjek IML465-Digital Reference Services semester 2024/25. Sesi pengajaran ini telah dilaksanakan bermula 25 November sehingga 16 Disember 2024, di mana kelas diadakan mengikut waktu kelas kod kursus IML465 selama dua (2) jam sepanjang tempoh tersebut.

Kelas Teaching Library telah diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Rembau, merangkumi beberapa bab khusus subjek iaitu Chapter 3, Chapter 4, Chapter 5 dan Chapter 7 yang diselarikan dengan bahan alat bantu mengajar dan silibus kod subjek IML465, dengan konsep teori dan praktikal bagi memberi pengalaman dan situasi gerak kerja sebenar dari perseptif industri.

Teaching Library diterajui oleh Pustakawan Kanan, Encik Mohd Hafiz Kasirun bersama staf-staf dan pelajar latihan industri PTAR Kampus Rembau.




**Foto:** Antara gambar sepanjang sesi Teaching Library bersama pelajar CDIM260.

### MAJLIS PERASMIAN KEMPEN "1 STAF 1 BUKU" PERINGKAT UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah merasmikan program galakan membaca kempen “1 Staf 1 Buku” Peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan hari ini yang diadakan secara serentak di Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Perasmian kempen tersebut adalah sebagai salah satu usaha dalam pembudayaan ilmu dan galakan membaca di kalangan warga UiTM khususnya di Cawangan Negeri Sembilan dan diharap warga akan mempraktikkan budaya membaca ini menerusi program-program yang akan dianjurkan oleh PTAR di masa akan datang.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung secara serentak di UiTM Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau.

## JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT PERINGKAT UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN SEMPENA HARI BUKU & HAKCIPTA

Sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia yang telah disambut pada 23 April 2024, bertemakan "Pembacaan Melestarikan Perpaduan" tahun ini, seluruh negara akan turut serta di dalam program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit. Warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai kempen ini dengan memanfaatkan 10 minit bermula pukul 11.00 pagi pada hari tersebut untuk membaca buku.

Tinjauan yang dilakukan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan di Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau rata-rata mendapati warga kampus menyambut baik kempen tersebut dan berikut antara momen yang sempat dirakam.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung secara serentak di UiTM Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau.

## READ, KNOWLEDGE & SHARE: BOOK REVIEW SIRI 8

Telah berlangsung program Read, Knowledge & Share: Book Review Siri 8 anjuran PTAR Kampus Rembau yang dipancarkan secara langsung menerusi saluran Facebook dan YouTube PTAR Kampus Rembau. Antara barisan panel-panel hebat terdiri daripada Dr. Mohd Firdauz Fathir, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Dr. Haziah Sa'ari, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Maklumat dan Puan Aisyah Nur Aqilah dari Unit Hal Ehwal Pelajar, UiTM Kampus Rembau. Moderator program, Cik Ain Izzatul Aisyah Rusila juga tidak terlepas peluang untuk berkongsikan ulasan buku pilihan beliau, berjudul Jam Loceng Subuh.



**Foto:** Peserta pengulas buku semasa program Read, Knowledge & Share S8 berlangsung.

## MOBILE LIBRARY @ BANGUNAN PENTADBIRAN

Pada Khamis, 28 Mac 2024 telah berlangsung Program Mobile Library @ Bangunan Pentadbiran anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak yang diadakan di UiTM Kampus Seremban. Program ini diadakan bermula jam 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta. Program kali ini bertujuan untuk menggalakkan staf UiTM khususnya staf pentadbiran menggunakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan sekaligus memupuk budaya membaca warga kampus sejajar dengan objektif program Read@UiTM.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Lobi Bangunan Pentadbiran.


# PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

“Education Must be about self-empowerment and motivation, capacity and character building. It has never been just about reading and writing.

— Tan Sri Dato' Sri Paduka Dr. Lim Kok Wing

*Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa*

UiTM *di hatiku* مولیا تقوی . انسانیا



**PAGEVIEW LAMAN SESAWANG  
PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN 2024**

**60.56%**

Pageviews keseluruhan warga  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

\*data dari Sistem EIS sehingga Disember 2024



**JUMLAH LOGIN PORTAL MYKM  
PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN 2024**



**68.01%**

Penggunaan keseluruhan warga  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

\*data dari Sistem EIS sehingga Disember 2024

**JUMLAH LOGIN MOBILEAPP  
PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN 2024**

**87.85%**

Penggunaan keseluruhan warga  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

\*data dari Sistem EIS sehingga Disember 2024





## MUATNAIK BAHAN REPOSITORY PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2024

# 100.00%

Bilangan muatnaik bahan IR  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

\*data dari Sistem EIS sehingga Disember 2024



## PERATUS PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PERSONALISED PERPUSTAKAAN DIGITAL BAGI TAHUN 2024

# 111.12%

Bilangan penggunaan  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

\*data dari Sistem EIS sehingga Disember 2024



### REPOSPHERE: SISTEM PENGUMPULAN & PENERIMAAN BAHAN HARTA INTELEK UNIVERSITI, SEBUAH PROJEK KIK KUMPULAN INFOFAST

Sempena Konvensyen KIK 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak bersama Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menubuhkan kumpulan KIK bersama yang diberi nama kumpulan INFOFAST pada 8 Januari 2024.

Susulan itu, kumpulan telah berjaya menghasilkan sistem yang diberi nama sistem REPOSPHERE sebagai pemudahcara di dalam proses kerja pengumpulan dan penerimaan bahan harta intelek universiti, khususnya projek pelajar sebelum dimuatnaik ke sistem repositori UiTM. bagi fasas projek rintis ini, kumpulan memberi fokus terhadap penerimaan bahan projek pelajar dan laporan latihan industri dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Kampus Rembau.

Menerusi sistem REPOSPHERE, proses kerja baharu telah diwujudkan, di mana pemilik bahan iaitu pelajar akan memuatnaik bahan (laporan projek pelajar) ke dalam sistem REPOSPHERE, menggunakan ID log masuk yang akan didaftarkan dan diberikan. Pensyarah (koordinator) akan log masuk bagi membuat semakan dan pemarkahan. Seterusnya, staf perpustakaan akan log masuk, menyemak bahan yang menerima gred purata baik untuk diasingkan dan dimuatnaik ke dalam sistem repositori UiTM.



Foto: Semasa pelaksanaan projek REPOSPHERE berlangsung

Menerusi projek ini, PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan mensasarkan penerimaan 100% bahan daripada pihak fakulti bagi projek pelajar, 100% efisiensi dari segi proses kerja dan penjimatan masa, kos dan tenaga bagi pengurusan penerimaan dan pengumpulan bahan harta intelek di masa akan datang. Pihak PTAR juga berharap agar projek REPOSPHERE ini dapat diperluaskan di semua fakulti di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, seterusnya ke seluruh sistem UiTM.

### “HI, JACK!”: KEPAKARAN PUSTAKAWAN PTAR MENGGUNAPAKAI TEKNOLOGI A.I. BAGI MEMBANGUNKAN APLIKASI PENGESAN PREDATORY JOURNALS

Sempena International Informatics Creativity Competition (2I2C) 2024, Pustakawan, Encik Syaiful Hisyam Saleh, dari PTAR UiTM Kampus Seremban, Encik Muhammad Shafiq Amirullah, dari PTAR UiTM Kampus Kuala Pilah serta Puan Siti Khairiyah Nordin, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Kampus Rembau telah memenangi Anugerah Emas bagi kategori individu bagi penghasilan projek Journal Authenticity Checker (JACK) AI-Driven Chatbot for Journal Selection pada 16 Oktober 2024.

JACK A.I., merupakan satu aplikasi *chatbot* menggunakan teknologi kecerdasan buatan atau A.I. bagi mengesan jurnal yang tidak berindeks, bagi mengelakkan penulis menerbitkan artikel kajian menerusi jurnal-jurnal tersebut.

Aplikasi JACK A.I. juga mampu mengesan *predatory journals*, *hijacked journals* dan *fake metrics journals*, oleh disebabkan itu, pengguna boleh membuat semakan nama jurnal ke dalam *chatbot* JACK A.I. terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk menerbitkan artikel di bawah mana-mana jurnal akademik. Sila imbas kod QR di bawah untuk mengakses:





Foto: Mockup paparan aplikasi JACK A.I.

# REKOD & ARKIB UNIVERSITI


“Libraries are the backbone of our education system.

—Karin Slaug

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku  اونها. تقوی. مولیا

# STATISTIK MUATNAIK REKOD PENTING UNIVERSITI



Rekod Peribadi	Pekeliling	Dasar & Polisi	Rekod Tatatertib	Memorandum (MoU)
<b>3,090</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>7</b>
Bahan Penerbitan	Gambar Bersejarah	Pengiktirafan	Peta & Plan	Perancangan Strategik
<b>330</b>	<b>32</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>
Laporan / Rekod Kewangan	Mesyuarat Utama	Dokumen Kontrak	Keratan Akhbar	Audiovisual
<b>0</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>88</b>	<b>0</b>

\*data sehingga November 2024

## **LIBAT URUS ARKIB BERSAMA WARGA UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH**


Telah berlangsung sesi Libat Urus Pengurusan Rekod & Arkib oleh Unit Arkib Universiti Cawangan Negeri Sembilan bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah pada Isnin, 13 Mei 2024, dan disusuli dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak, pada Khamis, 16 Mei 2024.

Seterusnya pada Rabu, 23 Oktober 2024, elah berlangsung Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod & Arkib Universiti bersama PTj bertempat di Makmal Komputer, PTAR Kampus Kuala Pilah yang telah disampaikan oleh Encik Muhamad Azrin Ismail, Pustakawan bersama Puan Halimah Mohamad Zahari, Pembantu Pustakawan Kanan yang menguruskan Unit Arkib Universiti bagi Cawangan Negeri Sembilan dan dihadiri oleh wakil pengurus rekod dari setiap PTj.

Objektif pelaksanaan sesi libat urus arkib adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan mengurus rekod penting universiti dan memastikan kefahaman tentang proses kerja ini diperluas dan disampaikan ke semua bahagian, seterusnya mempromosikan perkhidmatan arkib yang disediakan oleh Unit Arkib Universiti Cawangan Negeri Sembilan.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi libat urus tersebut.



### LAWATAN PENANDA ARAS KE UNIT ARKIB CAWANGAN, UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS ALOR GAJAH

Pada Selasa, 4 September 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah membuat lawatan penanda aras ke Unit Arkib Cawangan, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi ilmu berkenaan pengurusan arkib dan rekod sebagai penambahbaikan di Unit Arkib UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Lawatan ini diketuai oleh Pn. Jamilah Md Yusoff, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan diiringi En. Muhammad Azrin Ismail, Pustakawan, En. Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan, Pn. Halimah Mohamad Zahari, Pembantu Pustakawan Kanan dan En. Mohd Rafahi Zainal, Pembantu Pustakawan Kanan.

PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka di atas perkongsian dan hospitaliti yang diberikan sepanjang lawatan tersebut berlangsung.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi lawatan penanda aras ke Unit Arkib Cawangan Melaka.


## MESUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN & KESELAMATAN REKOD NEGERI, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pada Khamis, 5 Disember 2024, telah diadakan buat pertama kali, Mesuarat Jawatankuasa Pengurusan & Keselamatan Rekod Negeri, UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diadakan secara atas talian menerusi panggilan Google Meet,


Mesuarat JKPKN Bil. 1/2024 itu telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Antara agenda utama mesuarat JKPKN kali ini termasuklah pemakluman berkenaan dasar dan prosedur pengurusan rekod dan arkib universiti cawangan, pembangunan Klasifikasi Fail (KF) baharu dan pelan pengurusan bencana bagi rekod dan arkib universiti.

Mesuarat turut disertai oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR, Puan Jamilah Md Yusoff, Pustakawan, Encik Muhamad Azrin Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan, Puan Ainul Fadzilah Harun, Timbalan Bendahari, Encik Mohd Azril Shah Abdullah dan Timbalan Jurutera, Puan Surayya hany Samat.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa Mesuarat JKPKN Bil. 1/2024 berlangsung



## **TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD & ARKIB ANJURAN PTAR KAMPUS REMBAU**


Telah berlangsung Taklimat Pengurusan Rekod & Fail pada Rabu, 11 September 2024 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Rembau. Program ini diadakan khusus untuk staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan dalam mempertingkatkan kesedaran dan pendedahan kepada peserta berhubung aspek pengurusan fail dan rekod mengikut akta dan pekeliling yang ditetapkan. Kursus ini secara umumnya adalah bagi meningkatkan pengetahuan asas dan kemahiran peserta dalam menguruskan rekod-rekod Jabatan.

Taklimat ini disampaikan oleh Puan Siti Fazlina Mohamed Raffi, Pustakawan Kanan UiTM Cawangan Selangor melibatkan semua staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan dari ketiga-tiga kampus.

Terima kasih diucapkan kepada peserta yang sudi meluangkan masa menghadiri sesi ini. Semoga program seperti ini dapat memberi manfaat, menambahkan ilmu pengetahuan anda semua.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi perkongsian tersebut.



### LATIHAN SANGKUT PENGURUSAN REKOD & ARKIB KE BAHAGIAN ARKIB UNIVERSITI, UITM SHAH ALAM

Pada 18 hingga 20 September 2024 lepas, selamat tiga (3) hari, Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menjalankan Latihan Sangkut bagi Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti ke Bahagian Arkib Universiti, UiTM Shah Alam.

Latihan selama tiga hari tersebut disertai oleh Encik Muhamad Azrin Ismail, Pustakawan, Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan dan Puan Halimah Mohamad Zahari, Pembantu Pustakawan Kanan dari PTAR Cawangan Negeri Sembilan.

Latihan sangkut tersebut diadakan bagi tujuan untuk memantapkan pengurusan dan perkhidmatan rekod dan arkib cawangan berdasarkan dasar dan proses kerja yang sedia ada.

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Bahagian Arkib Universiti, UiTM Shah Alam di atas sumbangan, ilmu serta kerjasama yang diberikan sepanjang latihan sangkut tersebut diadakan.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa sesi lawatan penanda aras ke Unit Arkib Cawangan Melaka.

# LAWATAN

“A room without books is like a body without a soul.

— Marcus Tullius Cicero

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa


UiTM di hatiku  مولیا تقوی . تھامیا

### LAWATAN PENANDA ARAS UiTM CAWANGAN SELANGOR KE UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Selasa, 14 Mei 2024, ketua-ketua jabatan serta wakil dari UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam telah mengadakan lawatan rasmi dan penandaarasan ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Lawatan tersebut telah diadakan di UiTM Kampus Seremban dan antara jabatan yang dibuat penandaarasan termasuklah Perpustakaan Tun Abdul Razak. Pihak PTAR Kampus Puncak Alam yang merupakan antara terlibat telah diwakili oleh Encik Amir Muhamad Shafie, Pustakawan PTAR Kampus Puncak Alam.

**Foto:** Puan Jamilah Md Yusoff, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama Encik Mohd Hafiz Kasirun dan Encik Syaiful Hisyam Saleh menyampaikan cenderahati kepada wakil PTAR Kampus Puncak Alam.





**LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR ANJURAN PTAR  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**



**Foto:** Antara peserta terdiri daripada star pentadbiran dan akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang turut serta.

Isnin, 27 Mei 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menanjurkan lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (KLWTC).


Lawatan diiringi Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, pustakawan-pustakawan serta pembantu pustakawan dan disertai koordinator program dan pensyarah, masing-masing dari fakulti-fakulti di Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Lawatan bermula dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Antara objektif program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada warga akademik khususnya untuk mendapatkan pandangan, idea serta cadangan bagi pembangunan koleksi buku-buku perpustakaan, terutama bahan silibus yang perlu diperoleh dan dimasukkan ke dalam koleksi perpustakaan.

## KOLEJ VOKASIONAL KUALA KLawANG KE PTAR KAMPUS SEREMBAN

Selasa, 4 Jun 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah menerima lawatan penanda aras dari Kolej Vokasional Kuala Klawang bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat dan info berkaitan pengurusan, kelengkapan dan susun atur peralatan di PTAR dan seterusnya menjadi panduan dan rujukan untuk Kolej Vokasional Kuala Klawang mengadakan penambahbaikan bagi pusat sumber mereka.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa lawatan penanda aras dari Kolej Vokasional Kuala Klawang berlangsung.

## KOLEJ VOKASIONAL JUASSEH KE PTAR KAMPUS KUALA PILAH

Rabu, 10 Julai 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah menerima kunjungan hormat dari Kolej Vokasional Juasseh, Negeri Sembilan. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan perkongsian amalan dalam menyediakan dan membangunkan pusat sumber di Kolej Vokasional tersebut.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa lawatan penanda aras dari Kolej Vokasional Juasseh berlangsung.

# KOLABORASI

“Nothing is pleasanter than exploring a library.”

— Walter Savage Landor

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM *di hatiku*

أونها. تقوى. موليا

### LIBRARY REFORMATION & KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME ANJURAN BERSAMA PTAR KAMPUS SEREMBAN

Pada Jumaat, 21 Jun 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah menganjurkan Library Reformation & Knowledge Transfer Programme, sebuah program berbentuk Corporate Social Responsibility (CSR) yang diadakan di SMK Seremban 3.

Pengisian program berfokuskan pembudayaan ilmu di mana Encik Syaiful Hisyam Saleh, Pustakawan PTAR mengendalikan slot Program Literasi Maklumat manakala Encik Mohd Aizat Abd Halim, Pustakawan Kanan PTAR mengendalikan slot Speed Reading. Kedua-dua pengisian program adalah menyokong kepada Program Literasi Sekolah dan Program Budaya Ilmu (Read@UiTM) saranan Perpustakaan UiTM.

Program ini merupakan anjuran bersama antara PTAR Kampus Seremban dan pelajar AM225 Kursus Corporate Ethics, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) Kampus Seremban dengan kerjasama SMK Seremban 3 dan Pejabat Pendidikan Daerah Seremban.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Makmal Komputer, SMK Seremban 3

### KNOWLEDGE FEST: READ, EXPLORE & COLLABORATE, PROGRAM PERKONGSIAN ILMU KERJASAMA PTAR & PELAJAR PASCASISWAZAH SARJANA SAINS PENGURUSAN MAKLUMAT, UITM KAMPUS PUNCAK PERDANA

Rabu, 5 Jun 2024, pelajar program Sarjana Sains Pengurusan Maklumat (CDIM770-FLP), Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) UiTM Kampus Puncak Perdana dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Perpustakaan Tunku Anis UiTM Cawangan Kelantan dan Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Kampus Rembau dan Kampus Machang telah menganjurkan program Knowledge Fest 2024: Read, Explore & Collaborate.

Antara pengisian program termasuklah Bengkel Speed Reading, Forum Bersama Alumni dengan topik “Stereotaip Seorang Pustakawan” dan Webinar Literasi Maklumat: Citation of Sources Using APA yang dijalankan secara hibrid di Bilik Smart Classroom, PTAR Kampus Rembau dan di Bilik IT, PTA Kampus Machang.

Secara keseluruhan, program ini telah memberikan impak yang amat positif kepada semua pihak terutama pihak penganjur yang julungkali menjalankan program kerjasama strategik antara perpustakaan dan pihak fakulti dan pelaksanaan program



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Smart Classroom, PTAR Kampus Rembau, Pusat IT PTA Kampus Machang dan secara maya.

## PROGRAM ASCAR SUSTAINABILITY DAY 2024 @ PTAR UITM KAMPUS SEREMBAN

Khamis, 16 Mei 2024 telah berlangsung Program ASCAR Sustainability Day 2024 yang dijalankan oleh Persatuan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar (BEVA), Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seremban dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Seremban sempena Administrative Science Carnival (ASCAR) 2024.

Diantara pengisian program adalah ASCAR Innovation Competition (AIC) 2024, 3R Training & Workshop, Recyclable Waste Collection, Gerobok BEVA Preloved Sale & Campaign, BEVA Empire dan SDG Day & Exhibition (DEx). Tarikan utama program adalah Sustainable Fashion dengan 10 rekaan akan diperagakan dan akan dijuri oleh pereka fesyen terkenal Malaysia iaitu Hatta Dolmat.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Sudut LCE, PTAR Kampus Seremban

## KEJOHANAN E-SPORT AMPRO CLASH SERIES (ACS) EDU TOUR MUSIM KE-3: PUBG MOBILE @ PTAR UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

CRIT Esport Sdn Bhd dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Negeri Sembilan, anjuran bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak, kelab Delonix Esport, Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Sukan Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Kejohanan e-Sport Ampro Clash (ACS) Edu Tour Musim 3 yang turut dijalankan di banyak universiti awam seluruh negara.

Bagi penganjuran di Negeri Sembilan, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan UiTM Cawangan Negeri Sembilan keseluruhannya menjadi tuan rumah dan lokasi rasmi bagi pencarian bakat baharu pemain permainan interaktif dalam talian, PUBG Mobile menerusi kejohanan tersebut. Kejohanan tersebut telah diadakan di PTAR Kampus Kuala Pilah pada Khamis, 20 Jun, seterusnya di Seremban pada Selasa, 25 Jun dan di Rembau pada Khamis, 27 Jun 2024 melibatkan mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Pelbagai aktiviti menarik lain yang diadakan termasuk booth pameran dan aktiviti serta sesi ceramah “Jom Bermain Esport dengan Betul” yang disampaikan oleh Dr. Zatul’Iffah binti Abu Hasan, pengasas Esports Medica.

Ampro Clash Series merupakan kejohanan akar umbi bagi permainan PUBG Mobile di Malaysia dan di dalam dunia e-sukan negara terutamanya bagi pelajar IPT.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau.

## PERTANDINGAN CHAMPION STUDENT E-SPORTS LEAGUE UITM CNS 2024 @ PTAR UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni dan Delonix E-Sports Club dengan kerjasama Unit Sukan dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan pertandingan Champion Student eSports League 2024 yang telah diadakan pada 29 Oktober (PTAR UiTM Kampus Seremban), 5 November (PTAR UiTM Kampus Kuala Pilah) & 7 November (PTAR Kampus Rembau).

Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua mahasiswa/mahasiwi UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan setiap peserta akan bertentap di kampus masing-masing menerusi permainan PUBG Mobile, MLBB, EA Sports' FC24 PlayStation dan e-Football Mobile.

Juara dan naib juara setiap kampus pula seterusnya berentap di pusingan akhir menentang juara-juara dari Kuala Pilah, Seremban dan Rembau yang diadakan di Dewan Biduanda, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau pada Sabtu, 9 November 2024.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa pertandingan berlangsung.

## **PROGRAM DERMA DARAH ANJURAN BERSAMA HOSPITAL TUANKU AMPUAN NAJIHAH, KUALA PILAH**

Pada 26 & 27 November 2024, telah berlangsung Program Derma Darah anjuran bersama Hospital Tuanku Ampuan Najiiah (HTAN), Kuala Pilah, Unit Kesihatan dan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Program di bawah Unit Tabung Darah, HTAN itu diadakan buat kali kedua tahun ini di PTAR Kampus Kuala Pilah atas permintaan dan sambutan yang amat baik daripada warga kampus.



**Foto:** Sepanjang Program Derma Darah berlangsung selama dua hari bertempat di Aras 1, PTAR Kampus Kuala Pilah

## **KARNIVAL PTAR BUDDIES UITM KAMPUS REMBAU: KARNIVAL PENUH ILMU DAN KESERONOKAN!**

Pada 27 & 28 November 2024, telah berlangsung Karnival PTAR Buddies anjuran bersama PTAR, Unit Hal Ehwal Islam, Unit Kaunseling & Kerjaya, Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) dan Jawatankuasa Perwakilan Komander Kesatria, UiTM Kampus Rembau. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan termasuk PTAR Got Talent, Treasure Hunt, Scrabble Tournament, Talking Titans, Career Talk, Ceramah Biblioterapi bersama Penulis Buku dan Ping Pong Championship 2024.



**Foto:** Sepanjang Karnival PTAR Buddies berlangsung selama dua hari bertempat diPTAR Kampus Rembau

## BENGKEL E-SPORTS: PENDEDAHAN TENTANG PERATURAN PERMAINAN DAN MENGALAKKAN PENYERTAAN MAHASISWA UiTM DI DALAM BIDANG SUKAN ELEKTRONIK

Pada 11 & 12 Disember 2024, telah berlangsung bengkel eSports Workshop anjuran bersama Persatuan Sukan Elektronik Negeri Sembilan, persatuan Delonix Esport dan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah yang diadakan selama dua (2) hari.


Antara bengkel permainan e-sukan yang diadakan termasuklah PUBG, Tekken 8, Honor of King dan eFootball. Selain bengkel, Persatuan Sukan Elektronik Negeri Sembilan juga membuka beberapa terminal *free play* untuk pengunjung mencuba permainan e-sukan yang disediakan.



**Foto:** Sepanjang dua hari Bengkel eSports berlangsung di PTAR Kampus Kuala Pilah

### LCE: PADU ANJURAN BERSAMA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Pada hari Selasa dan Rabu, 19 hingga 20 Mac 2024 telah berlangsung program Library Community Engagement bersama PADU, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan memberi penerangan dan seterusnya membuka kaunter pendaftaran sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang wajib dilaksanakan oleh semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas, yang dijangka tutup pada 31 Mac 2024. Simbolik perasmian program ini telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Shafiq Amirullah, Pustakawan PTAR.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Sudut LCE, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Rembau.

### LCE: PIT STOP @ MYFUTUREJOBS ANJURAN BERSAMA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA & PERKESO

Selasa, 21 Mei 2024 telah berlangsung program anjuran Unit Kerjaya & Kaunseling dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan PERKESO iaitu program Pit Stop@MYFUTUREJOBS bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar khususnya pelajar semester akhir yang bakal menjalani program Latihan Industri (LI) semester hadapan.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Sudut LCE, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Rembau.

## **PERTANDINGAN ANUGERAH GURU INOVATIF 2024 DAERAH SEREMBAN BERTEMPAT DI PTAR KAMPUS SEREMBAN**

Khamis, 10 Oktober 2024, telah berlangsung Pertandingan Anugerah Guru Inovatif Daerah Seremban bagi tahun 2024 yang dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Seremban dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini diadakan di Sudut Library Community Engagement, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kampus.

Program ini telah mengumpulkan inovatif terbaik yang dihasilkan oleh guru-guru dari prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar seremban juga merupakan wadah yang sangat berkesan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi melalui perkongsian yang terbaik.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Dr. Mohd Shariman Shafie, Penolong Rektor UiTM Kampus Seremban. Sebagai makluman, program ini merupakan kolaborasi pertama di antara pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama Pejabat Pendidikan Daerah Seremban.



**Foto:** Antara gambar yang diambil semasa program berlangsung di Sudut LCÉ, PTAR Kampus Seremban


# PENERBITAN

“Many of life's failures are people who did not realize how close they were to success when they gave up.

— Thomas A. Edison

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku  موليا تقوی تھا




**POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT TAHUN  
BAHARU 2024**



**POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT RAMADAN  
AL MUBARAK**



**POSTER SELAMAT  
BERCUTI SEMESTER**



**POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT NUZUL  
AL QURAN**



**POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
THAIPUSAN 2024**



**POSTER SELAMAT  
MENDUDUKI PEPERIKSAAN  
AKHIR SEMESTER**



**POSTER SALAM  
MAULIDUR RASUL**



**POSTER SELAMAT  
DATANG PELAJAR  
BAHARU**




POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
PEKERJA 2024



POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
WESAK 2024



POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT ISRAK &  
MIKRAJ




POSTER SALAM AIDILADHA



POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
KEMERDEKAAN 2024



POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
MALAYSIA 2024



POSTER SELAMAT  
MENDUDUKI PEPERIKSAAN  
SEMESTER AKHIR



POSTER SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
DEEPAVALI

# KERATAN AKHBAR

“It always seems impossible until it's done.”

— Nelson Mandela

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku  مولیا تقوی تھامیا

# PROGRAM KNOWLEDGE FEST: READ, EXPLORE COLLABORATE- MEMPEKUKUH KERJASAMA KPPIM DAN INDUSTRI KEPUSTAKAWANAN

UITM NEWSHUB, 30 JULAI 2024



## UiTM News Hub

Official News Hub for Universiti Teknologi MARA

HOME NEWS > ANNOUNCEMENT > SUBMIT NEWS



Program Knowledge Fest: Read, Explore Collaborate- Mempekukuh Kerjasama KPPIM dan Industri Kepustakawanan

30/07/2024 · KPPIM News Team



SANJUNGAN BUDI SEINDAH KENANGAN



GO CASHLESS - MAKE LIFE EASIER



Baca berita penuh di:

[Program Knowledge Fest: Read, Explore Collaborate- Mempekukuh Kerjasama KPPIM dan Industri Kepustakawanan](#)

Foto: Keratan artikel yang dipetik dari portal UiTM NewsHub

# UITM REMBAU SEMARAKKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR, KOMUNITI

BERITA HARIAN, 28 NOVEMBER 2024

The screenshot shows a news article from Berita Harian Online. At the top, there's a decorative header with red and orange diamond patterns. Below it, the main title is displayed in large, bold black font. The article is dated November 28, 2024, at 3:57pm, by Mohd Amin Jali, with the email bhnews@bh.com.my. The article features a group photo of students and staff posing together. To the right of the article, there's a sidebar titled 'TERKINI' (Latest) showing five recent news items with their respective times and thumbnails. At the bottom right, there's a purple call-to-action box with a blue link icon and text encouraging readers to read the full article.

Jumaat, 13 Disember 2024, 3:41pm

BH ONLINE

BERITA DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA GAYA HIDUP SIHAT

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Cari kata kunci

UiTM Rembau semarakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar, komuniti

Oleh Mohd Amin Jali - November 28, 2024 @ 3:57pm  
bhnews@bh.com.my

**TERKINI**

- 7m Kelantan, Terengganu diramal alami hujan berterusan 4 hari bermula Isnin
- 9m Sentimen pengguna terkesan dengan kenaikan kos sara hidup - Penganalisis
- 11m 'Siapa benar, salah biar mahkamah tentukan' - Yuka
- 14m Berita baik untuk pemegang polisi insurans hayat terjejas banjir
- 24m Luruan monsun 16-19 Disember, potensi hujan berterusan di utara, timur Semenanjung
- 26m Cai tempat letak kereta di Seberang

**Baca berita penuh di:**  
[UiTM Rembau semarakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar, komuniti](#)

**Foto:** Keratan artikel yang dipetik dari portal Berita Harian

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)



# LAPORAN TAHUNAN 2024

قرآن ستا كلاء تون عبد الرزاق

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku

انها تقوى موليا



@ptaruitmcns  
[www.nsembilan.library.uitm.edu.my](http://www.nsembilan.library.uitm.edu.my)